

Kenyataan bersama selepas pertemuan di Bukit Kayangan

Raja-Raja dan Umno berbincang atas masalah pindaan selesai

SHAH ALAM, Ahad — Raja-Raja Melayu dan Umno percaya bahawa perkara pindaan Perlembagaan Negara akan dapat diselesaikan dengan sempurna.

Keyakinan itu dicapai setelah Raja-Raja Melayu berkenan mengadakan perjumpaan dengan wakil-wakil Majlis Tertinggi Umno di Istana Bukit Kayangan di sini hari ini.

Raja-Raja Melayu berpendapat ada beberapa pindaan kepada Perlembagaan dan juga cadangan baru yang disembahkan oleh Umno masih berkehendakkan pertimbangan lanjut.

Satu kenyataan yang dikeluarkan selepas perjumpaan itu menyatakan bahawa Raja-Raja Melayu menyedari betapa pentingnya cadangan mewujudkan kawasan-kawasan pilihan raya baru seperti yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya supaya tidak terhalang perkembangan politik dan pemertahanan bercorak demokratik, sebagaimana yang tercatat di dalam pindaan Perlembagaan itu.

Raja-Raja Melayu amat bersimpati dengan rakyat dan memandangkan berat atas masalah meluluskan dengan secepatnya segera segala keputusan Parlimen mengenai Belanjawan Negara (Money Bill).

Di dalam perjumpaan itu, Raja-Raja berkenan mendengar pandangan yang disembahkan oleh wakil-wakil Umno sebab-sebab mengapa pindaan Perlembagaan dibuat dan juga mengemukakan beberapa cadangan baru untuk memperbaiki semula pindaan Perlembagaan yang diluluskan oleh Parlimen.

Semua Raja-Raja Melayu termasuk Timbalan Yang di-Pertuan Agong, Pemangku Raja Pahang dan Pengerusi Jemaah Pemangku Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan hadir dalam rundingan itu.

Yang di-Pertuan Agong tidak hadir atas sebab-bahar. Pengerusi Jemaah Pemangku Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan tiba di Istana Bukit Kayangan pada jam 10.02 pagi diikuti oleh Sultan Kelantan pada 10.05 pagi. Pemangku Raja Pahang 10.11 pagi, Sultan Ter-

anggan 10.14 pagi, Sultan Kedah 10.25 pagi, Sultan Perak 10.30 pagi, Timbalan Yang di-Pertuan Agong 10.31, Raja Perlis 10.35 pagi dan Sultan Kelantan 11.21 pagi. Raja Tun Azlan Shah hadir di sebelah petang. Wakil-wakil Majlis Tertinggi Umno diketuai oleh Naib Presidennya, Encik Ghaffar Baba. Turut dalam perwakilan itu ialah Naib Presiden, Datuk Harun Idris, Setiausaha Agung, Datuk Haji Mustapha Jabar dan Ahli Majlis Tertinggi, Datuk Seri Haji Kamaruddin Md Isa dan Puan Marina Yusof, yang tiba di Istana sebelum keberangkatan tiba raja-raja.

Runding

Seorang lagi Naib Presiden Umno, Tengku Ahmad Rithauddeen juga hadir.

Sebelum perjumpaan itu, Raja-Raja mengadakan rundingan dipengerikan oleh Sultan Selangor.

Berikut ialah kenyataan sepunya perjumpaan di antara Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu dengan wakil-wakil Majlis Tertinggi Umno telah diadakan di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam, Selangor pada 20 November, 1983 kerana membincangkan perkara pindaan Perlembagaan Negara.

Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu telah berkenan mendengar pandangan yang

disembahkan oleh wakil-wakil Umno sebab-sebab mengapa pindaan Perlembagaan dibuat dan juga mengemukakan beberapa cadangan baru untuk memperbaiki semula pindaan perlembagaan yang telah diluluskan oleh Parlimen.


Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu setelah mendengar persembahan-persembahan itu amat bersimpati dengan rakyat dan memandangkan berat atas masalah meluluskan dengan secepatnya segera segala keputusan Parlimen mengenai Belanjawan Negara (Money Bill) dan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu juga menyedari betapa pentingnya cadangan mewujudkan kawasan-kawasan pilihan raya baru seperti yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya supaya tidak terhalang perkembangan politik dan pemertahanan bercorak demokratik sebagaimana yang tercatat di dalam pindaan Perlembagaan itu.

Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu juga menyedari betapa pentingnya cadangan mewujudkan kawasan-kawasan pilihan raya baru seperti yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya supaya tidak terhalang perkembangan politik dan pemertahanan bercorak demokratik sebagaimana yang tercatat di dalam pindaan Perlembagaan itu.

Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu telah berkenan mendengar pandangan yang disembahkan oleh Umno yang masih berkehendakkan pertimbangan lanjut. Kedua-dua belah pihak Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja dan Umno percaya bahawa itu akan dapat diselesaikan dengan sempurna.

Membelakangkan kamera ialah wakil Majlis Tertinggi Umno.

— Oleh —
MIOR KAMARUL SHAHID



BERBINCANG DI ISTANA BUKIT KAYANGAN

RAJA-RAJA Melayu dan wakil Majlis Tertinggi Umno berbincang untuk mencari jalan penyelesaian mengenai pindaan Perlembagaan di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam, Selangor, malam.

Membelakangkan kamera ialah wakil Majlis Tertinggi Umno.

Berita dari ARIK
Negeri Malaysia